

Seri Paduka rasmi pameran Seribu Wajah PM

KUM - 7 OCT 2003
UALA LUMPUR 6 Okt. — Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini merasmikan pameran foto 'Seribu Wajah Dr. Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negawaran' di Balai Seni Lukis Negara (BSLN) di sini.

Seri Paduka yang diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid begitu tertarik melihat sebanyak 1,000 keping gambar Dr. Mahathir meliputi 22 tahun beliau menyandang jawatan Perdana Menteri yang dipamerkan, dengan sebahagian besarnya belum pernah disiarkan atau dipamerkan.

Gambar-gambar itu, sepa-

ruh dicetak pada kanvas dan selebihnya dalam bentuk mural dan multimedia merakamkan Dr Mahathir dalam pelbagai aksi, mood serta suasana.

Pameran itu yang dianjurkan oleh media Malaysia terdiri dari akhbar, stesen televisyen, Jabatan Penerangan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dengan kerjasama BSLN sebagai tanda penghargaan kepada Dr. Mahathir yang sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri terkenal sebagai mesra media.

Gambar dan imej yang dipilih mencerminkan Dr. Mahathir sebagai negarawan, pemimpin dan insan biasa yang dikenali oleh dunia luar, nega-

ranya sendiri serta boleh dinilai dari sudut kaca mata rakyat.

Sementara itu Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dalam ucapannya berkata kepelbagaian gambar-gambar ini menunjukkan Dr Mahathir sebagai mesra media yang membolehkan media merekodkan imej-imej Perdana Menteri dalam pelbagai lokasi, acara rasmi dan tidak rasmi dalam pelbagai situasi.

Beliau berkata umum mengetahui bahawa sebagai seorang pemimpin, Dr Mahathir mudah dirapati oleh rakyat dari pelbagai golongan tanpa mengira tempat termasuk pusat membeli belah dan tempat rekreasi.